

MPC(CRO)700-4/1/82(2020)

5 Mac 2021

Sharifuddin Bin Mohd Yasin
Perunding
Simply Lean Solutions PLT
No 2-3, Bangunan UBSA, Persiaran Damai
Seksyen 11 42000 Shah Alam, Selangor.

Tuan,

PELANTIKAN SEBAGAI PEMBEKAL LATIHAN SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS – *MALAYSIA PRODUCTIVITY BLUEPRINT* (SPPE-MPB) BAGI SYARIKAT AMAT TEKNIK SDN. BHD.

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bersetuju untuk melantik Tuan dari Simply Lean Solutions untuk pelaksanaan skim di atas bagi syarikat yang dinyatakan. Di dalam program ini, Tuan dikehendaki melaksanakan Program Lean yang meliputi latihan dan khidmat nasihat bagi membolehkan syarikat ini berjaya menamatkan projek pembangunan sistem dengan jayanya.

3. Pelantikan Tuan untuk melaksanakan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB) bagi syarikat ini adalah mengikut syarat-syarat seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2** yang mengambil masa antara 4 – 6 bulan bermula **Januari 2021 hingga Mei 2021**. Jumlah keseluruhan bayaran termasuk bayaran profesional, penginapan dan perjalanan melaksanakan tugas bagi program ini sebanyak **RM13,800.00**. Bayaran ini akan dibayar oleh MPC secara berperingkat mengikut kemajuan kerja seperti yang dinyatakan di dalam **Lampiran 3**.

4. Sekiranya pihak Tuan bersetuju dengan lantikan ini, sila maklumkan pengesahan ini dengan mengembalikan surat Akuan Setuju Terima seperti di **Lampiran 4** kepada pihak kami dalam tempoh **7 hari** daripada tarikh surat ini. Kegagalan Tuan mengesahkan persetujuan ini dalam tempoh tersebut menyebabkan tawaran ini terbatal dengan sendirinya.

5. MPC amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang tinggi dari pihak puan dalam menjayakan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ROSMI ABDULLAH)

Pengarah,
Khidmat Nasihat dan Perundingan Produktiviti
b.p. Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Skop Kerja Projek bagi Pembekal Latihan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – Malaysia Productivity Blueprint (SPPE-MPB)

Jadual di bawah merupakan skop kerja pihak perunding Simply Lean Solutions PLT (**perunding**). Adalah menjadi tanggungjawab perunding untuk membantu syarikat dalam Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB) melalui pendekatan yang diambil seperti jadual di bawah:

**Carta Perbatuan Projek : AMAT TEKNIK SDN. BHD.
Jangkamasa: 5 bulan**

*Tarikh sebenar sesuatu aktiviti tertakluk perse tujuan pihak perunding dan syarikat peserta serta perlu dimaklumkan kepada pihak MPC (melalui penyelarasan berkenaan).

Bidang Intervensi: PENGURUSAN LEAN

Bil	Aktiviti	Jan	Feb	Mac	April	Mei
	Fasa 2					
1	Modul 2 : Bengkel Lean Tool 1*					
2	Lawatan perundingan 2					
3	Modul 3 : Bengkel Lean Tool 2*					
4	Lawatan perundingan 3					
5	Lawatan perundingan 4					
6	Lawatan perundingan 5					
	Fasa 3					
7	Lawatan perundingan 6					
8	Lawatan perundingan 7					
9	Lawatan perundingan 8 Semakan hasil projek & pre-pembentangan kepada pihak pengurusan syarikat.					
10	Penilaian akhir (post-assessment) Persembahan akhir projek					

Syarat Pelantikan bagi Pembekal Latihan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – Malaysia Productivity Blueprint (SPPE-MPB)

1. Mematuhi Etika Pembekal Latihan dan Pembangunan Sistem;
2. Bersetuju untuk menjalankan projek sehingga tamat mengikut surat tawaran;
3. Kadar bayaran untuk kursus/latihan ialah **RM 1,700 sehari** (7 jam);
4. Kadar bayaran untuk taklimat & lawatan perundingan ialah **RM1,300.00** sehari;
5. Bersetuju dengan syarat-syarat 3 dan 4 di atas sebagai pakej yuran khidmat profesional termasuk perbelanjaan lain iaitu **perjalanan, penginapan, material program dan lain-lain yang diperlukan untuk kursus tersebut;**
6. Bayaran akan dibuat mengikut peringkat projek yang akan ditawarkan;
7. Perunding tidak mengendalikan lebih dari 3 projek pada satu-satu masa;
8. Mempunyai rekod penilaian dari pelanggan dan skor latihan yang baik (4.0 dan ke atas);
9. Perunding perlu menyediakan peralatan bantu mengajar (*presentation aids*) seperti komputer riba dan *LCD projector* untuk tujuan latihan;
10. Nota kursus yang akan digunakan hendaklah mengandungi logo MPC. Nota-nota dalam bentuk *softcopy* tersebut haruslah diserahkan kepada pegawai MPC terlibat sebelum kursus dijalankan untuk tujuan pemantauan;
11. Perunding hendaklah memaklumkan tarikh sebenar latihan/lawatan kepada pegawai MPC yang terlibat sekurang-kurangnya 3 hari bekerja sebelum sesi bermula;
12. Menghantar laporan projek mengikut jadual fasa yang telah ditetapkan (seminggu selepas aktiviti terakhir dijalankan) bersama **invois asal** kepada pegawai petugas MPC termasuk laporan A3 yang disertakan. Sekiranya tidak dihantar, maka pembayaran tidak akan diproses bagi fasa tersebut (Rujuk Para 2 Lampiran 3);
13. MPC tidak bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan penginapan kepada perunding;
14. Kos penerbangan akan ditanggung sendiri oleh pihak perunding (sekiranya berkenaan);
15. MPC berhak menarik balik tawaran pada bila-bila masa jika ada syarat-syarat tidak dipatuhi;
16. Menyediakan laporan akhir dan laporan dalam format A3 yang diserahkan bersama-sama tuntutan akhir (Fasa 3);
17. Perunding dilarang untuk mengenakan sebarang yuran tambahan kepada pihak syarikat.

* Sekiranya perunding menarik diri daripada projek ini tanpa sebarang sebab yang munasabah, maka perunding akan dibawa ke Jawatankuasa Pembekal Latihan dan Pembangunan Sistem (PLPS) untuk tindakan pembatalan sebagai pembekal.

**Butiran Bayaran bagi Pembekal Latihan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris –
Malaysia Productivity Blueprint (SPPE-MPB)**

1. Kadar Bayaran

Berikut adalah komponen bayaran yuran profesional perkhidmatan yang dijalankan oleh perunding*:

- | | | | |
|----|--|----|-----------|
| 1. | 2 Hari Latihan @ RM1,700 sehari | RM | 3,400.00 |
| 2. | 8 Hari Taklimat / Perundingan @ RM1,300 hari | RM | 10,400.00 |

Jumlah	RM 13,800.00
Jumlah Keseluruhan	RM 13,800.00

* Kadar ini adalah termasuk kos perjalanan dan perbelanjaan lain seperti penginapan dan bahan program (seperti nota kursus).

** Kadar ini berbeza mengikut samada kadar setempat atau kadar luar kawasan (kadar yang dinyatakan di atas adalah kadar setempat).

2. Perincian Aktiviti, Yuran dan Jadual Pembayaran.

Bil	Fasa dan Aktiviti	Bil hari	Yuran sehari (RM)	Jumlah (RM)
FASA 2 : BENGKEL LEAN TOOLS, PERUNDINGAN				
1	Modul 2 : Bengkel Lean Tool 1*	1	1700.00,	1,700.00
2	Lawatan perundingan 2	1	1,300.00	1,300.00
3	Lawatan perundingan 3	1	1,300.00	1,300.00
4	Lawatan perundingan 4	1	1,300.00	1,300.00
5	Modul 3 : Bengkel Lean Tool 2*	1	1,700.00	1,700.00
6	Lawatan perundingan 5	1	1,300.00	1,300.00
	Jumlah Fasa 2	6		8,600.00
FASA 3 : PERUNDINGAN & LAPORAN AKHIR				
7	Lawatan perundingan 6	1	1,300.00	1,300.00
8	Lawatan perundingan 7	1	1,300.00	1,300.00
9	Lawatan perundingan 8 Semakan hasil projek & pembentangan kepada pihak pengurusan syarikat	1	1,300.00	1,300.00
10	Penilaian akhir (post-assessment) Persembahan akhir projek	1	1,300.00	1,300.00
	Jumlah Fasa 3	4		5,200.00
	Jumlah keseluruhan	10		13,800.00

No Rujukan:

2021

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
P.O. Box 64, Jalan Sultan
46904 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.
(U.P.: Rosmi Abdullah)

Faks : 03-7954 7910

Tuan,

**AKUAN SETUJU TERIMA PELANTIKAN SEBAGAI PEMBEKAL LATIHAN SKIM
PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS – MALAYSIA PRODUCTIVITY
BLUEPRINT (SPPE-MPB) BAGI SYARIKAT AMAT TEKNIK SDN. BHD.**

Saya _____ mewakili pihak syarikat SIMPLY LEAN SOLUTIONS no. K/P: _____ bersetuju dilantik sebagai perunding Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB) untuk syarikat **AMAT TEKNIK SDN. BHD.** yang bernilai **RM13,800.00** dalam tempoh **Januari 2021 hingga Mei 2021**. Saya memahami dan akan mematuhi pelaksanaan khidmat perundingan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh MPC.

2. Sekiranya saya gagal mematuhi mana-mana perkara yang dinyatakan di dalam spesifikasi tersebut, pihak MPC berhak untuk membatalkan pelantikan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Cop Syarikat :